



BESUT

BULETIN

Smart Student & Community Experience

www.unisza.edu.my/ppkbesut | Edisi 2 | Disember 2021



I ♥
BESUT



**Temubual Istimewa
PROF. DR. LUA PEI LIN**

Taman Rimba Ilmu Tanah BRIS

Program Pencarian Motivator Ikon UnisZA

FBIM Komited Lahirkan Bakal Agropreneur Muda

PharmEx (Staff) Award Ceremony 2021

EDISI 2 | **DISEMBER 2021**
eISSN 2682-7522

Sidang Redaksi

PENAUNG

Prof. Dr. Mohd Nordin bin Abdul Rahman

PENASIHAT

Ts. Dr. Nadzifah binti Yaakub
Encik Rusdi bin Muda

EDITOR

Encik Mohd Fauzan bin Hj. Ariffin
Puan Zanariah binti Mohd Nor @ Abd. Halim
Puan Norhazura binti Yunus

PENOLONG EDITOR

Puan Noor Hafizal binti Abdul Azis
Cik Nora binti Ismail

PEREKA

Encik Muhamad Baharin bin Gani
Puan Nur Syareena binti Azmee
Puan Fairuz binti Zakaria

JURUFOTO

Encik Wan Mohd Hasbullah bin Wan Abdul Rahman
Tuan Nur Izzat Syazwan bin Tuan Ab Rashid
Encik Mohd Supian bin Tawang

PENYELARAS SUMBER

Encik Muhammad Hailmi bin Sajili
Encik Mohd Rohaizad Md. Rejab
YM Syed Mohd Al-Shukri bin Tuan Sharif
Puan Zaleha binti Mat Ya'acob
Puan Fadlina binti Ismail
Encik Zulkeefli bin Awang
Puan Nik Zarifah binti Nik Hassan
Puan Norshuhila binti Mohd Shukri
Encik Mohamad bin Hussin
Puan Latifah Ilyana binti Ibrahim
Encik Mohd Annas bin Ibrahim
Puan Nuroshajar binti Othman
Puan Mimi Meliessa binti Mohd Zain
Puan Rosahini binti Mohd Salleh Azmi
Encik Wan Berhanudin bin Wan Yusof
Puan Nur Diana Nadhira binti Khairul Anuar
Encik Shuhrin bin Che Mat
Encik Yusuf Amin bin Ismail
YM Tengku Ani Soraya binti Tengku Sulaiman



Isi Kandungan

KATA ALUAN PENGARAH KAMPUS BESUT TEMUBUAL ISTIMEWA Prof. Dr. Lua Pei Lin	1-3
PEJABAT	
Pejabat Pengarah Kampus Besut	4-6
Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni	7-8
Kaunseling	9
Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan	10
Perpustakaan Al-Wathiqu Billah	11
Unit Sukan & Rekreasi	12-13
PUSAT	
Pusat Islam	13
Pusat Pengurusan Makmal Berpusat	14
Pusat Pengurusan Infrastruktur & Rangkaian	15
Pusat Kesenian dan Warisan	16
FAKULTI	
Fakulti Biosumber & Industri Makanan	17-18
Fakulti Informatik dan Komputeran	19-20
Fakulti Farmasi	21-22
GALERI 2021	

Hak Cipta Terpelihara ©2019

Besut Buletin diterbitkan tiga kali setahun, mulai September 2019 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Besut

**Pejabat Pengarah Kampus Besut
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Besut
Terengganu, MALAYSIA**

KATA ALUAN PENGARAH KAMPUS BESUT



*Profesor Dr. Mohd Nordin bin Abdul Rahman
Pengarah Kampus Besut*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah. Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat buat kita semua. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, kaum kerabat baginda, para sahabat, dan tabi'in.

Buletin Besut kembali lagi dengan pelbagai berita sepanjang 2021 yang berlaku dalam Kampus Besut dan sekitarnya, tahniah dan syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi Buletin Besut di atas kejayaan penerbitan ini. Komitmen dan kerja keras berterusan yang ditunjukkan oleh semua yang terlibat dalam penerbitan buletin ini telah menzahirkan keikhlasan setiap warga untuk melihat UniSZA Kampus Besut terus ke depan dan menerajui kegemilangan kampus walau dengan pelbagai kemelut yang melanda dunia.

Tahun 2021 dilalui dengan pelbagai warna. Kekangan dalam melaksanakan amanah seperti mod bekerja dari rumah, kemasukan staf ke pejabat yang terhad, kuarantin dan perintah kawalan pergerakan. Namun begitu di sebalik halangan ini, Pejabat Pengarah Kampus Besut telah berjaya melaksanakan beberapa inisiatif, program kelestarian kampus dan projek pembangunan, serta penyelenggaraan khusus bagi memastikan warga kampus terus mendapat kemudahan yang terbaik dalam melancarkan pengoperasian pejabat. Peruntukan kewangan yang diberikan oleh Pengurusan Universiti telah dibelanjakan dengan optimum dan menepati sasaran kerja serta belanjawan yang telah ditetapkan.

Konsep kampus hijau merupakan satu konsep integrasi antara teras utama perkhidmatan universiti seperti pendidikan, penyelidikan, khidmat komuniti dan

sistem pengurusan alam sekitar. Kampus universiti adalah merupakan suatu tempat agen perubahan dalam menyokong pembangunan lestari. Seperti yang semua maklum, pada tahun 2021 UniSZA telah menyertai buat pertama kali dalam penarafan *UI GreenMetric World University Rankings*. Untuk tahun 2021, UniSZA telah diberikan penarafan untuk berada pada kedudukan ke-487 dari 956 buah universiti dari seluruh dunia. Sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua ahli Jawatankuasa Pelaksana Penarafan *UI GreenMetric World University Rankings UniSZA (UniSZA-GM)* yang telah bertungkus lumus dalam memastikan data yang lengkap dihantar ke sekretariat penarafan.

Dalam konteks pengurusan kelestarian kampus, enam (6) aspek utama telah digariskan oleh Jawatankuasa Pelaksanaan *Penarafan UniSZA-GM* bagi memastikan objektif Kampus Hijau dapat dicapai. Aspek-aspek ini termasuk *pengurusan infrastruktur, tenaga & perubahan alam sekitar, sisa, air, pengangkutan dan pendidikan*. Satu bengkel penggubalan strategi peningkatan berkesan dalam pembangunan kelestarian kampus hijau telah diadakan pada 12 Januari 2022 bertempat di Kampus Besut. Resolusi daripada bengkel ini akan dijadikan sebagai dasar pelaksanaan dan *way forward* UniSZA dalam memastikan kegemilangan pencapaian kampus hijau yang bertaraf antarabangsa.

Inisiatif kampus hijau banyak memberi manfaat kepada indeks kualiti kehidupan. Pengekalan ekosistem yang baik dapat diwujudkan dengan memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap kepentingan perlindungan alam sekitar, pembangunan sosial yang sihat dan aktiviti pembangunan ekonomi yang selamat. Di samping itu, dengan memberi kefahaman yang mendalam tentang kelestarian alam sekitar kepada pelajar yang berada dalam kampus sangat memberi kesan yang besar dalam mendokong aspirasi negara bagi membangunkan satu persekitaran yang selamat untuk diwariskan kepada generasi akan datang. Saya memohon kepada semua warga UniSZA untuk bersama-sama menyokong inisiatif kampus hijau ini dan berdoa agar tahun 2022 ini UniSZA akan berada pada kedudukan penarafan yang lebih baik.

Akhir kata, saya mengajak semua warga UniSZA untuk bersama-sama memanjat doa dan pengharapan kepada Allah S.W.T agar semua warga UniSZA dapat kekal bekerjasama dalam situasi yang harmoni dan menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan masyarakat sekitar. Sekali lagi saya memohon agar semua warga UKB dapat mematuhi segala peraturan dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi menyekat penularan wabak COVID-19 ini.

Terima kasih dan tahniah sekali lagi kepada sidang redaksi dan penyumbang berita Buletin Besut yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Semoga bermanfaat dan selamat membaca! *Wassalam.*

"Student & Community Smart Experience @ Kampus Besut"

Temubual Istimewa

PROF. DR. LUA PEI LIN
Dekan Fakulti Farmasi



2 PENDIDIKAN & KELAYAKAN

- Jan 2003 – Doktor Falsafah (Farmasi), Cardiff University, Wales, United Kingdom
- Jul 1998 – Sarjana Muda Farmasi (Kepujian Kelas Pertama), Cardiff University, Wales, United Kingdom
- Jun 1995 – A Level, Maktab Sains MARA, Cheras, Kuala Lumpur
- 1993 – SPM (8A1s), Sek. Men Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu
- 1990 – SRP (8A1s), Sek. Men Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu

1 LATAR BELAKANG

Umur – 47 tahun
Asal – Kg. Batu Enam, Kuala Nerus, Terengganu
Bapa – Pesara pensyarah, Maktab Penguruan Kuala Terengganu, Bt. Rakit (kini: Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail)
Ibu - Pesara ketua pembantu tadbir, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu
Adik beradik – anak sulung daripada 3 adik beradik

3 BIDANG PENGKHUSUSAN

Kualiti Kehidupan (berkaitan kesihatan)

SUB-BIDANG

Amalan Farmasi, Tingkah-Laku Kesihatan, Pendidikan dan Promosi Kesihatan

4 PENCAPAIAN AKADEMIK

- Pembelajaran dan pengajaran pelbagai kursus – peringkat diploma (radiografi, teknologi makmal perubatan, kejururawatan), sarjana muda (farmasi, perubatan dan pembedahan, dietetik, pemakanan), sarjana dan doktor falsafah (kursus Metodologi Penyelidikan setiap semester anjuran Pusat Pengajian Siswazah)
- Menyelia lima orang pelajar PhD dan sebelas orang pelajar MSc
- Pemeriksa tesis Doktor Falsafah dan Sarjana di UM, USM, UKM, Quest University
- Penyeliaan projek tahun akhir (11 projek yang melibatkan pelajar FPSK/FSK waktu itu)
- Terlibat aktif dalam *Knowledge Transfer Programme (KTP)* - Projek Transformasi Pendidikan Masyarakat Orang Asli Negeri Terengganu (2013-2017)



Pelajar Fakulti Farmasi Batch Pertama



Pelajar Siswazah 2015

5 KEJAYAAN BERSAMA FAKULTI FARMASI

- o **Sambutan Kemerdekaan 2020** – hadiah saguhati (Pertandingan Hiasan PTj) dan johan (Pertandingan Esei Merdeka UniSZA)
- o **Pertandingan Video Antara PTj** – Tempat ke-3
- o **Projek Penjanaaan 2021** – kejayaan meraih jumlah penjanaaan pendapatan > 10% daripada bajet pengurusan 2021

Anugerah dan pengiktirafan yang diterima

Sepanjang November 2007 sehingga Disember 2021, saya telah mendapat 13 pingat. Pingat tertinggi yang saya perolehi ialah *Special Award & Gold Medal PECIPTA 2017; Gold Medal Geneva Invention 2014, ITEX Gold Medal 2013 & 2021; Semi-Grand Award & Gold Medal MPI 2021.*



ITEX 2013



Team GENEVA 2014



PECIPTA 2017 *Special Award*



Pencapaian sukan (pingat pertamanya bersama Pasukan Badminton UniSZA di SUKUM 2018)



Ketua Jawatankuasa Pengurusan Vaksin PPV UniSZA



Koleksi pingat yang dimenangi



Pencapaian dalam bidang penyelidikan dan penerbitan

Projek Penyelidikan	Jumlah projek : 28 Jumlah geran : >RM500,000.00
Penerbitan (Scopus H-index = 14; jumlah sitasi = 517)	Jurnal berindeks Scopus / WoS ISI : 68 Jurnal berindeks lain : 11 Jurnal berwasit : 14 Laporan teknikal : 1 Buku / monograf : 3
Pembentangan Kertas Kerja Penyelidikan	Antarabangsa : 105 Tempatan : 74



Apakah pencapaian Prof. sepanjang memegang jawatan Dekan Fakulti Farmasi?

Pencapaian yang telah saya laksanakan sepanjang menjadi Dekan Fakulti Farmasi bermula pada Mei 2020 sehingga sekarang adalah dengan memperkenalkan pembaharuan di fakulti. Antara pembaharuan yang telah dilaksanakan adalah:

- o **Penstrukturan ahli pengurusan** – TD AS, TD PI, PJK
- o **Tulisan Jawi** - dalam tanda nama di pintu/meja setiap staf
- o **Pharminar** – Webinar Farmasi secara berkala yang mengupas isu semasa farmasi (*Special Pharminar*, Pharminar Industri-Akademia-Keusahawanan)
- o **International Virtual Exchange Lecture** – bersama Universitas Padjadjaran, Indonesia (kerjasama pengantarabangsa yang pertama)
- o **Pelantikan Profesor Pelawat yang pertama** - Prof. Dr. Dai (D.N.) John, Cardiff University, United Kingdom
- o **Sekolah Angkat** – SMK Manir (Kuala Terengganu) dan SMK Renek (Jereteh) dilantik sebagai sekolah angkat baharu (aktiviti dalam talian pertama kali telah berjaya diadakan)
- o **Majlis Anugerah Kecemerlangan Pelajar (PharmaEx Award) Mei 2021** – pengiktirafan pencapaian pelajar siswazah sebagai inisiatif tambahan untuk meningkatkan pencapaian penyelidikan dan penyerahan cenderahati simbolik (alu dan lesung) farmasi untuk pelajar kohort pertama (lesung diserahkan sekarang; alu hanya akan diserahkan selepas pelajar kohort ini bergraduat pada 2023 = untuk menandakan lulusnya ijazah pertama farmasi)
- o **MoU UniSZA-AISyifaa Holding Sdn. Bhd.** – inisiatif besar yang pertama dengan syarikat farmasi yang kukuh lagi mapan
- o **Pengolahan imej baharu FF** – logo farmasi, perwajahan fizikal persekitaran pejabat pentadbiran, pertukaran “signage”, pemasangan “backdrop” utama
- o **Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf (PharmaEx Staff Award) Disember 2021** – memperkenalkan sistem penganugerahan tambahan iaitu Anugerah Sumbangan Langkau Hakiki (SuLuH) untuk staf yang sanggup berkorban masa, tenaga dan wang yang melangkaui bebanan tugas hakiki
- o **Slogan kerja tahun 2022:** “U.B.A.H Senses” – *Sense of Urgency, Sense of Belonging, Sense of Accountability and Sense of Humour*



Pharminar Pertama 2020



Staf Fakulti Farmasi 2020



PharmEx Award 2021

Perancangan Tahun 2022

2



Kerjasama penyelidikan industri – projek kolaborasi dengan Farmasi AISyifaa

2



Kerjasama penyelidikan antarabangsa – permohonan *Special Research Grant Scheme – International Collaboration (SRGS-IC)* bersama Fakultas Farmasi, UNPAD

0



Penubuhan Kedai Farmasi UniSZA yang pertama – secara usaha-sama UniSZA-AISyifaa-MediTama

2



International Pharminar – jemputan ceramah bagi Profesor farmasi warganegara Malaysia dari *Oxford University*



International Graduate Alumni Forum – jemputan bekas siswazah PhD dan MSc UniSZA dari Nigeria, Indonesia dan Malaysia untuk menyampaikan forum kepada pelajar ijazah pertama yang bakal menempuh projek tahun akhir

PROGRAM *FOREST GARDENING* DI TAMAN NEGERI SETIU WETLAND



Pada 18 Disember 2021, UniSZA telah dilantik sebagai salah satu *Task Force* dalam Program *Forest Gardening* di Taman Negeri Setiu Wetland. Program yang dirasmikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, YBM Tengku Bijaya Raja ini telah dihadiri lebih daripada 200 orang. Agensi-agensi kerajaan lain yang turut sama menjayakan program ini adalah Majlis Daerah Setiu, Pejabat Perhutanan Negeri Terengganu, Pelancongan Negeri Terengganu, Universiti Malaysia Terengganu, FRIM, Pejabat Daerah Setiu dan Pusat Sains Terengganu serta beberapa NGO alam sekitar. Agensi-agensi terbabit turut dilantik sebagai *Task Force* Taman Setiu Wetland.

Dalam program tersebut, beberapa aktiviti dijalankan antaranya gotong royong di sekitar *board walk* dan pintu masuk, penanaman pokok pandan laut sebagai simbolik lantikan oleh setiap wakil agensi dan penanaman pokok kelapa di pinggir sungai Setiu. UniSZA yang diwakili oleh Pengarah Kampus, Pejabat Pengarah Kampus Besut, YBrs. Prof. Dr. Mohd Nordin bin Abdul Rahman menerima plat lantikan *Task Force* yang disampaikan sendiri oleh YBM Setiausaha Kerajaan Terengganu.

Program yang bermula jam 9.00 pagi itu tamat pada jam 1.30 petang telah berlangsung dengan jayanya. UniSZA akan bertindak sebagai penasihat akademik termasuk penyelidikan kepada Taman Negeri Setiu Wetland. Dengan lantikan sebagai *Task Force* Taman Negeri Setiu Wetland, ianya menjadi titik tolak kepada kerjasama dua hala antara Taman Rimba Ilmu Tanah BRIS dan Taman Negeri Setiu Wetland.



**LAWATAN PENYELARASAN DAN AUDITAN
PENILAIAN PEMANTAUAN AKREDITASI**

Pada tahun 2021, UniSZA Kampus Besut telah menerima tiga lawatan secara maya oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi penilaian pemantauan menerusi aplikasi ZOOM. Kaedah penilaian secara *virtual* dan *remote* ini melibatkan interaksi *tripartite* antara Univeristi Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Ahli Panel Penilai (APP) dan Pegawai MQA secara dalam talian dari lokasi masing-masing sepanjang tempoh lawatan Penilaian Akreditasi Penuh dijalankan. Lawatan MQAVA pertama dilaksanakan pada 30 Jun sehingga 1 Julai 2021 bagi program Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Perniagaan tani) (MQA/FA 5178) Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM).

Manakala lawatan secara maya yang kedua bagi menilai program SM Sains (Kepujian) Sains Akuatik adalah pada 25 sehingga 26 Ogos 2021. Lawatan kedua di FBIM ini untuk menilai dan memperakui Akreditasi Penuh bagi program Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Akuatik (MQA/FA 5161). Seterusnya lawatan ketiga di Fakulti Farmasi yang telah diadakan pada 21 sehingga 23 September 2021. Lawatan ini bertujuan untuk menilai dan memperakui Akreditasi Sementara bagi Program Sarjana Muda Farmasi (Kepujian) Universiti Sultan Zainal Abidin (MQA/PA 10756). Ketiga-tiga penilaian akreditasi telah berjaya dilaksanakan dan mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

**LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI
PENUH MQA SECARA VIRTUAL AUDIT
(MQAVA)**






SARJANA MUDA PERNIAGAANTANI DENGAN
KEPUJIAN (MQA/FA 5178)
FAKULTI BIOSUMBER DAN INDUSTRI MAKANAN

30 Jun – 1 Julai 2021

**LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI
PENUH MQA SECARA VIRTUAL AUDIT
(MQAVA)**





SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN)
SAINS AKUATIK (MQA/FA5161)
25 HINGGA 26 OGOS 2021


[uniszaedmy](https://www.uniszaedmy.com)

[@biosumberindustri.makanan](https://www.facebook.com/biosumberindustri.makanan)

**LAWATAN PENILAIAN PEMANTAUAN AKREDITASI SEMENTARA
PROGRAM SARJANA MUDA FARMASI (KEPUJIAN)
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(MQA/PA 10756)
FAKULTI FARMASI**




21 – 23 September 2021 (Selasa - Khamis)

Urusetia : Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Sistem Kualiti (SPaQM)


[uniszaedmy](https://www.uniszaedmy.com)


[Universiti Sultan Zainal Abidin](https://www.facebook.com/UniversitiSultanZainalAbidin)

PENUBUHAN PORTAL RASMI TRIBE DAN VIDEO KORPORAT TRIBE

Jawatankuasa Taman Rimba Ilmu Tanah BRIS telah mengorak selangkah lagi ke arah memperkenalkan TRIBE kepada semua pihak terutamanya warga UniSZA, agensi kerajaan dan NGO melalui penubuhan portal rasmi TRIBE dan video korporat TRIBE. Penubuhan portal dan video TRIBE telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pegawai Eksekutif Kampus Besut Bil. 10/2021 bertarikh 9 Disember 2021.

Adalah menjadi hasrat Pengarah Kampus untuk menjadikan TRIBE sebagai pusat rujukan bagi ekosistem Tanah BRIS di Malaysia terutama bagi pemeliharaan dan pemuliharaan Hutan Pantai Tanah BRIS. Portal TRIBE boleh diakses melalui <https://hutantribe.weebly.com>, manakala video korporat boleh diakses melalui Youtube.

Logo yang diguna pakai oleh TRIBE telah direka oleh pelajar dari Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) iaitu Nur Akma Fakhira binti Roslan.




Logo TRIBE



Pemenang pertandingan mencipta logo TRIBE



Portal TRIBE



Youtube TRIBE

PROGRAM DIGITAL COPYWRITING IN SOCIAL MEDIA MARKETING

Kampus Besut, Terengganu, 7 Ogos 2021 – Program ‘*Digital Copywriting in Social Media Marketing*’ dari MyAgrosis UniSZA telah disambut baik oleh Majlis Tertinggi (MT) dan Exco MyAgrosis UniSZA. Seramai 37 orang mahasiswa UniSZA dan peserta luar telah menyertai dan memeriahkan program ‘*Digital Copywriting in Social Media Marketing*’ anjuran MyAgrosis UniSZA. Program ‘*Copywriting*’ atas talian menerusi aplikasi *Cisco Webex* ini dirasmikan oleh Penasihat Kelab MyAgrosis sesi 2020/2021, Puan Zanariah binti Mohd Nor.

Program ini berlangsung sehari pada 7 Ogos 2021 dalam dua sidang yang disampaikan oleh *Certified Digital Trainer MDEC*, Encik Akmal bin Ismail atau lebih mesra dengan panggilan *Coach Akmal*. Sidang pagi program (8.00 pagi sehingga 1.00 petang) ini dimulakan dengan pengenalan teori berkaitan ‘*Teaser*’ dan ‘*Softsell*’ dan kemudiannya disusuli dengan tugas peserta untuk memperkenalkan produk mereka dengan menggunakan dua jenis ‘*digital marketing*’ tersebut. Pada sidang petang pula (2.00 petang sehingga 5.00 petang) diteruskan dengan peserta mempelajari teori AIDCA dan ‘*Hardsell*’ serta penggunaannya dalam latihan berkumpulan. Peraduan ‘*copywriting*’ juga turut dilaksanakan untuk menggalakkan para peserta mengaplikasi teori yang dipelajari serta-merta. Seorang pemenang telah dipilih dan telah memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM 100.00.

**JOM BERSAMA MYAGROSIS
DALAM PROGRAM "DIGITAL
COPYWRITING
IN SOCIAL MEDIA
MARKETING"**

**7 OGOS 2021
WEBEX LIVE
8 AM - 5 PM**

- MENGETAHUI TEKNIK YANG BERKESAN
DALAM PEMASARAN JUALAN DENGAN
MENGUNAKAN KAEDAH "COPYWRITING"
- MENINGKATKAN KEMAHIRAN
"COPYWRITING" DALAM PEMASARAN
JUALAN

**BERSAMA
COACH AKMAL
MDEC E USAHAWAN
SUBJECT MATTER EXPERT**

**IMBAS KOD QR UNTUK
PENDAFTARAN
SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
013-880 1602 KAMINESHWARY**

@MYAGROSIS_UNISZA
MYAGROSIS UNISZA

Virtual Talk: The Stress Solution

**VIRTUAL TALK
THE STRESS SOLUTION**

**TIME : 10.00 A.M - 11.30A.M
PLATFORM : FB LIVE
DATE : 14 AUGUST 2021**

**Now!
SPEAKER**

**YBrs. PROF MADYA DR JAMIAH
HJ. MANAP
Senior Lecturer
Faculty of Social Sciences and Humanity,
National University of Malaysia(UKM)**

MODERATOR

**SITI NUR ADILAH BT
MD RASID
Secretary 2 PMFBIM**

**☑ E - CERTIFICATE
PROVIDED** **☑ GIFTS AWAITS
FOR YOU**

**PERSATUAN MAHASISWA
FAKULTI BHSUMBER DAN INDUSTRI MAKANAN**

Program ini telah menjemput penceramah dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Prof. Madya Dr. Jamiah Hj. Manap. Beliau merupakan penceramah yang berpengalaman dan pakar dalam bidang psikologi pendidikan dan pengajian belia. Penerbitan terkini beliau pada 2021 adalah *Exploring Death Anxiety and Mental Health among Adults Living In Lembah Klang, Malaysia*. Kepakaran beliau dapat membantu pelajar untuk mengatasi stress yang dihadapi terutamanya akibat dari pembelajaran *online* ketika wabak pandemik Covid-19 yang melanda negara kita.

KUIZ 'BEAT THE CANCER'

Program Kuiz ‘*BEAT THE CANCER*’ adalah program berbentuk kuiz berkenaan isu kanser yang dijalankan pada 14 Ogos 2021. Program ini dianjurkan oleh Persatuan Pelajar Fakulti Farmasi UniSZA (PHARMSA) dan disertai pelajar Tingkatan 4 & 5, Sekolah Menengah Kebangsaan Renek, Jerneh, Terengganu. Program dimulakan dengan perkongsian pautan melalui ‘*Whatsapp group*’ kepada para peserta. Peserta mula menyertai kuiz pada pukul 3.10-3.20 petang melalui pautan *Quizziz* yang telah dikongsikan dan berlangsung selama 15 minit. Program telah tamat pada pukul 3.45 petang dengan pengumuman pemenang kuiz.

**Beat The
CANCER**

QUIZ COMPETITION

PHARMSA X SMK RENEK

**PLATFORM: QUIZZIZ
DATE: 14 AUGUST 2021
DAY: SATURDAY
TIME: 3:30PM-3:45PM**


EXCITING CASH PRIZE AWAITS YOU!

Overthinking: Normal Vs Abnormal

11 September 2021 (Sabtu) - Unit Kaunseling, Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA dan Pejabat Pengarah Kampus Besut dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS), Persatuan Mahasiswa Usuluddin (PMUS) dan Persatuan Mahasiswa Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (PMFBIM) telah berjaya mengadakan Program Kesedaran Kesihatan Mental Era Pandemik Covid-19: *Overthinking : Normal Vs Abnormal*. Panel Penceramah adalah Pakar Psikiatri dari UIAM Pahang, Dr. Rozanizam Zakaria. Program ini dilaksanakan secara dalam talian menerusi platform *Cisco Webex Meeting* dan *FB Live* Unit Kaunseling.

Program telah berlangsung selama 2 jam yang membincangkan dua (2) topik menarik iaitu Slot satu (1) Fahami Emosi dan Pemikiran Normal Vs Abnormal dan Slot kedua (2) pula Terapi Pemikiran untuk atasi 'Overthinking'.

Di akhir slot Dr. Rozanizam berkongsi tip-tip dan kaedah menukar pola pemikiran 'overthinking' dengan menggunakan teknik berdasarkan terapi *Rational Emotion Behaviour Therapy (REBT)*. Konsep utama terapi *REBT* menekankan manusia perlu ubah cara berfikir untuk membetulkan pemikiran yang tidak rasional. Konsep A B C D E diterapkan meliputi *Activating (A) experience, Belief system (B), Consequence (C), Dispute (D) dan Effect (E)* dalam membuat perubahan tingkah laku.




Program Pencarian Motivator Ikon UniSZA 2021


Pada 20 dan 21 Oktober 2021, Unit Kaunseling, Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa UniSZA telah mengadakan Program Pencarian Motivator Ikon UniSZA 2021 kepada mahasiswa yang berminat. Program ini telah diadakan melalui aplikasi *Cisco Webex* yang mana melibatkan 30 orang peserta serta 5 Panel hakim yang terdiri daripada Pegawai Psikologi UniSZA.

Program ini merupakan program tahunan bertujuan mencari dan melahirkan ikon-ikon motivator universiti yang berkebolehan dan mampu menjadi model ikon motivator muda sebagai agen pencetus kepada perubahan. Peserta akan berkomunikasi dan menyatakan idea mereka dalam segala aspek kepimpinan, kreativiti dan kepelbagaian kemahiran ditonjolkan bagi melayakkan mereka untuk pemilihan ke peringkat seterusnya. Mahasiswa yang terpilih ini akan mewakili UniSZA untuk saringan seterusnya bagi Pertandingan *Intervarsity Young Motivator Competition (I-MAC) 2021* Peringkat Kebangsaan di Universiti Malaysia Kelantan, pada 12 sehingga 17 November 2021.

Melalui pelaksanaan program ini ia dapat membantu peserta membentuk keyakinan diri berteraskan potensi serta kebolehan masing-masing. Impak yang positif dibina melalui kaedah eksplorasi pengurusan bakat sebagai motivator yang kreatif dalam memajukan diri.



KEMPEN *LET'S TALK* MINDA SIHAT



Program Kempen *Lets's Talk* Minda Sihat Bersama Pelajar IPT Daerah Besut anjuran bersama Unit Penyakit Tidak Berjangkit, Pejabat Kesihatan Daerah Besut Dan Unit Kaunseling Pejabat Pengarah Kampus Besut, dengan kerjasama Fakulti-Fakulti Kampus Besut, IPG Kampus Sultan Mizan dan Politeknik Besut telah berjaya dilaksanakan secara online pada 29 Ogos 2021. Seramai 225 orang peserta telah menyertai program ini.


Pegawai Psikologi UniZA, Puan Nik Zarifah binti Nik Hassan adalah sebagai moderator di dalam sesi ini dan menampilkan Pakar Psikiatri dari Hospital Besut iaitu Dr.Zaidatul Zarina binti Mohd Zahidi sebagai panel.

Isu kesihatan mental banyak dibincangkan terutamanya dalam kalangan pelajar yang menghadapi pembelajaran secara dalam talian. Isu-isu seperti rumah yang tidak kondusif, tiada ruang belajar, tidak mempunyai data yang mencukupi merupakan antara cabaran belajar secara dalam talian sewaktu pandemik COVID-19. Selain itu, pendidikan atau pembelajaran melalui skrin komputer yang terlalu lama akan memberi kesan terhadap kesihatan mental, fizikal, emosi dan juga sosial.

PROGRAM KENALI SIMPTOM *ATTENTION DEFICIT HYPERACTIVE DISORDER*

Unit Kaunseling, Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA dengan kerjasama Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP), Fakulti Perubatan dan Kor-SUKSIS UniZA telah menganjurkan Program Kenali Simptom *Attention Deficit Hyperactive Disorder (ADHD)* serta Perkongsian Pengalaman Pesakit Dan Solusinya. Program ini telah berlangsung pada hari Rabu, 10 November 2021 bermula jam 2.00 petang sehingga 5.30 petang secara dalam talian menggunakan aplikasi *Cisco Webex*.

Program ini telah disertai oleh 396 peserta yang terdiri daripada 253 orang pelajar UniZA, 123 orang staf UniZA dan 20 orang peserta luar. Pengisian program ini terbahagi kepada 2 slot utama. Slot satu (1) telah disampaikan oleh Pensyarah Perubatan/Pakar Psikiatri Fakulti Perubatan UniZA iaitu Dr. Muna Hamiza Asiff dengan tajuk "Kenali *ADHD* dan Rawatannya". Seterusnya, slot kedua (2) disampaikan oleh Puan Norlaila Mat Tahir dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan UiTM Kampus Dungun yang bertajuk "Masalah *ADHD* di Kalangan Pelajar Universiti, kenalpasti dan Tanganinya Demi Kesihatan Mental". Di samping itu, beliau turut menyentuh teknik pembelajaran dan teknik pengurusan emosi yang berkesan agar dapat dipraktikkan bagi mereka yang mempunyai simpton *ADHD* supaya dapat menghapuskan halangan minda yang negatif dan membentuk pemikiran yang positif agar sentiasa yakin dan bersemangat dalam pembelajaran kepada mahasiswa bagi kesejahteraan emosi dan mental.




TUGAS PENGAWAL BUKAN SEBAGAI 'JAGA' SEMATA-MATA

Tugas Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bukan sahaja tertumpu terhadap menjaga kebajikan pekerja tetapi juga memastikan persekitaran kerja yang sihat dan selamat. JKKP UniSZA turut mengambil peranan dalam memastikan ketenteraman kampus daripada ancaman luar yang melibatkan pencerobohan pecah masuk ke kawasan kampus, mengawal kelancaran lalu lintas di kampus serta membantu urusan operasi bagi program-program rasmi di universiti. Selain itu, JKKP juga turut menjalankan operasi bantuan awal bagi kes-kes kecemasan, ancaman haiwan berbisa, kemalangan serta jenayah yang berlaku seperti kebakaran, kemalangan jalan raya di dalam kampus, kecurian, pergaduhan, menangkap ular, memusnah sarang tebuan dan lebah serta perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan di dalam kampus.



KELAS PENDIDIKAN PENGGUNA SECARA MAYA



Ekoran Pandemic Covid-19 masih belum reda sepenuhnya, Perpustakaan Al-Wathiqu Billah (PWB) Kampus Besut masih meneruskan Kelas Pendidikan Pengguna iaitu Literasi Maklumat dan Kemahiran Maklumat secara maya melalui aplikasi *Cisco Webex*.

Kelas literasi maklumat ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar berkenaan perpustakaan dan perkhidmatan yang ditawarkan serta pengajaran penggunaan pangkalan data.

Manakala Kelas Kemahiran Maklumat bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar semester akhir berkenaan penggunaan Aplikasi Mendeley dan juga penulisan tesis.

Sebanyak 4 kelas literasi dan 5 kelas kemahiran dijalankan sepanjang November 2021 melibatkan 391 orang pelajar. Perpustakaan akan terus komited dalam memberikan perkongsian ilmu dan membantu dalam proses pembelajaran pelajar.

PAMERAN ISLAMIK @ PWB KAMPUS BESUT

Perpustakaan Al-Wathiqu Billah (PWB) Kampus Besut telah mengadakan *Islamic Exhibiton* bermula pada 1 sehingga 31 Disember 2021.

Pameran ini bertujuan untuk memberikan pendedahan berkenaan sejarah Islam, sejarah ringkas, tokoh-tokoh Islam, isu-isu semasa serta mempromosi gaya hidup islamik terutama berkenaan adab.


Pengguna juga berpeluang menyertai cabutan bertuah sepanjang pameran berlangsung.



PEMBUKAAN LAMBONG CAFE

Lambong Cafe secara rasmi beroperasi pada 11 November 2021 yang terletak di perkarangan Perpustakaan Al-Wathiqu Billah (PWB) Kampus Besut.

Mewujudkan kafe di kawasan perpustakaan merupakan satu nilai tambah bagi menarik pelajar ke perpustakaan dan sebagai pusat sehati pelajar untuk mengulangkaji serta bersosial.



“MALAYSIAN DAY WORKOUT CHALLENGE 2021”

Pertandingan ini merupakan anjuran Unit Sukan dan Rekreasi UniSZA Kampus Besut dan Pejabat Pengarah Kampus Besut yang telah berlangsung pada 15 September sehingga 14 Oktober 2021 secara atas talian bersama komuniti sekolah di Daerah Besut.

Seramai 50 orang pelajar lelaki dan wanita dari 15 buah sekolah turut menyertai cabaran senaman ini. Penyertaan yang amat menggalakkan dari pelajar terutamanya dari sekolah sekitar Daerah Besut telah memberi impak yang tinggi terhadap kesedaran pentingnya dalam melakukan aktiviti sukan.

Pertandingan ini menyediakan hadiah wang tunai mengikut kriteria yang telah diberikan dan pemilihan pemenang dibuat melalui video pendek yang dihantar kepada pihak penganjur.




PROGRAM *HIKING* PELAJAR BARU KE BUKIT BUBUS



Program *Hiking* Pelajar Baru ke Bukit Bubus, Terengganu merupakan anjuran Unit Sukan dan Rekreasi UniSZA Kampus Besut yang telah berlangsung pada 30 Oktober 2021 bertempat di Bukit Bubus, Besut Terengganu.

Penyertaan Program *Hiking* Pelajar Baru ke Bukit Bubus pada kali ini telah menarik minat ramai warga UniSZA. Seramai 195 orang siswa/i termasuk staf telah menyertai program ini. Program mendaki ini bermula pada pukul 7.00 pagi dengan peserta berkumpul di perkarangan kolej kediaman dan mendengar talimat. Peserta mula mendaki selepas membuat sedikit regangan badan. Pendakian mengambil masa selama 45 minit untuk sampai ke puncak Bukit Bubus.



WALK AND SMILE -10K STEPS

28 Oktober 2021 - Program *Walk and Smile – 10K Steps* telah dianjurkan oleh Pusat Sukan dan Rekreasi UniSZA Kampus Besut bagi menyahut kempen Hari Sukan Negara.

Program ini telah disertai oleh warga UniSZA yang terdiri daripada pelajar, kakitangan pentadbiran dan akademik. Program ini telah disertai oleh 80 orang pelajar dan 40 orang staf UniSZA.

Program kecergasan secara santai ini melibatkan aktiviti berjalan kaki dari kampus ke kawasan rekreasi *paragliding* di Bukit Bubus. Pegawai Belia dan Sukan Kanan, Encik Mohd Fauzan bin Hj. Ariffin selaku ketua program ini dan dibantu oleh Pegawai Keselamatan UniSZA iaitu Encik Tuan Nur Izzat Syazwan bin Tuan Ab. Rashid, dan staf di Pejabat Pengarah Kampus Besut, Encik Mat Yusof bin Mat Rani.

Aktiviti ini dapat membantu pelajar mengenali UniSZA Kampus Besut dan kawasan persekitarannya. Program ini bermula pada jam 8.00 pagi di Dewan Serbaguna Kampus Besut dengan senaman ringan dan kesemua peserta bergerak menuju ke dataran Bukit Bubus. Pelepasan bendera sebagai simbolik bermulanya *Walk and Smile* ini telah dibuat oleh wakil Pengarah Kampus Besut, Ts. Dr. Nadzifah Yaakub. Program yang berlangsung selama tiga jam ini berakhir pada jam 11.30 pagi.



Pusat Islam

Program *Emergency Solah*

UniSZA Kampus Besut, Terengganu - Program *Emergency Solah* yang dianjurkan oleh pihak Jawatankuasa Pengurusan Surau Ar-Raudhah (JaPSAR) telah berlangsung pada 25 Disember 2021 secara bersemuka di Surau Ar-Raudhah dengan mengikuti *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan oleh Jawatankuasa COVID-19 UniSZA. Panel jemputan merupakan pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus iaitu Ustaz Mohd Nor bin Jusoh atau lebih dikenali dengan panggilan Ustaz Rabbani.

Peserta yang terlibat merupakan mahasiswa/wi yang berada di Kampus Besut. Tujuan program ini adalah untuk melahirkan mahasiswa/wi muslim yang unggul dalam aspek kerohanian setara dengan kecemerlangan akademik di samping memupuk rasa cintakan ibadah solat dengan melakukan amal ibadah. Melalui program ini juga, peserta dapat memperbaiki solat dan menjadi seorang insan yang lebih baik dalam beribadah kepada Allah.

Program ini dijalankan pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 11.20 pagi dengan dihadiri seramai 65 orang peserta.



Staf CLMC Turun Padang Agih Bekalan Air Minuman Kepada Pelajar



Pihak Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC) sendiri telah turun padang sebagai langkah proaktif bagi memindahkan dan mengagihkan stok air minuman *reverse osmosis* (RO) dari Kilang Minuman UniSZA Kampus Besut ke Kolej Kediaman Pelajar di Kampus Gong Badak. Jumlah air minuman yang berjaya diagihkan sebanyak 665 kotak bersamaan dengan 15,960 botol.

Pengagihan bekalan air minuman tersebut adalah untuk kegunaan di Kolej Kediaman Kampus Gong Badak bagi membantu mahasiswa/i yang terkesan dengan gangguan bekalan air di hampir seluruh daerah Kuala Nerus. Penyerahan disempurnakan oleh Pengarah CLMC, Ts. Dr. Zarizal Suhaili kepada Pengarah Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar, Prof. Madya Dr. Mohd Shafiee Hamzah.

Semoga bekalan air minuman RO tersebut dapat memberi manfaat dan meringankan segala kesulitan yang dialami mahasiswa dan mahasiswi UniSZA.

Gotong-royong Norma Baharu Sebagai Aktiviti Rutin

Pihak Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC) sentiasa mengutamakan kebersihan dan keselamatan staf serta para pelajar terutama ketika berada di dalam makmal. Sehubungan dengan itu, pihak CLMC telah mengambil langkah-langkah inisiatif dengan mengadakan gotong-royong setiap

makmal secara berperingkat dan menjadikan aktiviti tersebut sebagai aktiviti rutin bagi memastikan keselamatan para pelajar sepanjang keberadaan mereka di dalam makmal.

Staf CLMC juga sentiasa komited dalam memastikan kekemasan dan kebersihan makmal di tahap yang terbaik. Kami juga akan sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan makmal-makmal di bawah seliaan CLMC bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dari semasa ke semasa. Aktiviti seperti ini juga dapat mengeratkan hubungan diantara staf makmal dalam membantu melestarikan fungsi CLMC di UniSZA lebih-lebih lagi disebabkan perubahan gaya hidup kepada norma baharu sepanjang Pandemik Covid-19.



The 5 Principles of Being a Human Firewall

The concept behind the human firewall was built on the most critical aspect of security: people.

When we talk about preventing data breaches and other incidents, we're talking about protecting people, not computers. It's easy to view data as some faceless, lifeless asset that resides on hard drives and servers. In reality, every bit of that data represents a person. Data equals someone's identity—their digital DNA. And it's not computers trying to steal those identities. It's evil people. That's why we need good human firewalls who remain vigilant in the fight against cybercrime. It's the human firewall's job to prioritize security in every facet of life and make the world a better place for everyone. How do you do that? By living and working according to these five security awareness principles:




Proactive Security Awareness

In the physical, literal sense of the word, a firewall prevents a bad event from getting worse. If there's a fire, the firewall contains it so it doesn't spread to other areas. The same is true in the digital world. A network firewall establishes a barrier meant to prevent digital threats from infiltrating a network. Think spam filters, which are essentially firewalls for email. They eliminate spammy messages before they hit your inbox. Both the physical and digital firewall examples illustrate a reactive process. An event occurs; the firewall reacts. When you add the word "human" to the equation, you add a proactive layer of security, which eliminates threats before they can materialize. Let's review a few examples of how we can implement proactive security measures.

Automatic Updates	Outdated systems and software leave doors open for cybercriminals and allow them to bypass security controls, often without human interaction. By enabling automatic updates, you slam those doors shut before anyone has a chance to access them.
Strong Passwords	Speaking of doors, weak passwords essentially leave the front door to your accounts unlocked. The fanciest, most expensive security technologies in the world won't save you if you fail to use strong passwords. Quick reminder: strong passwords are unique, feature at least 16 characters, and are easy to remember yet hard to guess.
Virtual Private Networks	A virtual private network—VPN—provides an encrypted connection that prevents cybercriminals from intercepting your internet traffic. Never connect to a public WiFi network without one. Even with a VPN, avoid accessing confidential information in public.
Organized Workstations	A messy desk makes it easier to misplace sensitive documents or badges/keycards. By maintaining a clean, organized work area, you reduce the chances of losing something important.
Access Controls	From email accounts to keycards, we grant every member of our organization some level of access. It's your responsibility to respect access by never allowing others to piggyback off your credentials and by ensuring that no one slips in behind you when you enter a secured area.

GALERI SENI DIGITAL UniSZA MEMBANTU MENJANA EKONOMI 30 PENGGIAT SENI TANAH AIR



6 Dis 2021 - Pusat Kesenian dan Warisan UniSZA telah mewujudkan platform jualan secara dalam talian menerusi <http://artgallery.unisza.edu.my>. Platform digital ini merupakan salah satu usaha PKW dalam mewujudkan Community Engagement; salah satu tiang seri Pusat Kesenian dan Warisan.

Objektif pelaksanaan UniSZA Digital Art Gallery ini adalah sebagai platform pameran dan jualan karya-karya seni tempatan. Walaubagaimanapun, kami turut menerima penyertaan pengkarya luar dari negeri Terengganu sekaligus menjadikan platform ini lebih meriah dan meluas.

Antara karya-karya yang dijual adalah lukisan, tanjak songket, arca, patung berbusana, ukiran kayu, replika bot tradisional Terengganu dan lukisan digital. Galeri digital ini turut mempamerkan peralatan muzik Gamelan Melayu, Kitab Tulisan Tangan dan lain-lain.

Konsep pendigitalan warisan yang diterapkan mampu memberi pendedahan dan pengertian nilai seni disamping memelihara dan memulihara seni dan warisan karya. Konsep ini berjaya menarik perhatian anak-anak muda mahupun kumpulan-kumpulan veteran untuk sama-sama meraikan kewujudan galeri digital ini dengan tiada bayaran yang dikenakan untuk menyertainya.

Galeri Seni Digital UniSZA berjaya dihasilkan dengan kerjasama rakan-rakan strategik Pusat Kesenian dan Warisan yang terdiri daripada Persatuan Pelukis Terengganu (PeTer), Galeri Warisan Tanjak Tokku, Duyong Craft Centre, Gahara Gangsa, Fugatipsart, Hand Painted By Laki Laki, Adrian Collectibles serta rakan-rakan universiti dari UNISEL, UiTM dan UniMAP.

SELAMAT ULANGTAHUN PESONA FM

3 Nov 2021 - Radio internet dibawah kendalian pelajar Kelab Media Seni UniSZA; Pesona fm telah menyambut ulangtahun yang pertamanya pada 3 November 2021. Sambutan ulangtahun yang diadakan sepenuhnya secara dalam talian itu telah mendapat komen yang positif serta ucapan selamat dari para pendengar setia Pesona fm di media sosial secara langsung dari konti Pesona fm.

Radio internet Pesona fm merupakan platform baharu Pusat Kesenian dan Warisan dalam membantu mengglobalkan UniSZA bukan sahaja pnyaluran maklumat dalam bidang seni, budaya dan warisan, malah meliputi semua jaringan industri keusahawanan, teknologi, penyelidikan dan akademik UniSZA. Berkonsepkan radio internet *edutainment* dan *student oriented*, Pesona fm bersiaran selama 24 jam dan dapat diakses oleh seluruh warganet.



Radio dibawah seliaan Pusat Kesenian dan Warisan ini telah berjaya mendapat liputan meluas bukan sahaja di Malaysia bahkan sehingga ke luar negara termasuk United States, Singapura, Indonesia, Cina, Turki, Jepun, United Kingdom dan Greece.

FBIM Komited Lahirkan Bakal Agropreneur Muda

Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) menawarkan pelbagai program pengajian dalam bidang bioteknologi, pertanian, akuakultur dan sains haiwan. Kesemua program ini diwujudkan bagi melahirkan tenaga kerja berkualiti yang mampu mempertingkatkan sektor pertanian negara. Para pelajar di FBIM telah didedahkan dengan pelbagai subjek yang melibatkan aktiviti pembelajaran di lapangan bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran apabila bergraduasi kelak.

Pada semester ini, pelajar ISM Perniagaantani dengan Kepujian Semester 3 telah mengambil subjek Prinsip Pengeluaran Tanaman (ABB20703) bagi melengkap silibus pembelajaran, para pelajar dikehendaki mengusahakan ladang jagung di tanah seluas satu ekar yang terletak di UniSZA Kampus Besut. Para pelajar ini telah diajar dengan kaedah penyediaan tanah pertanian, penyemaian biji benih, penjagaan pokok sehinggalah ke peringkat penjualan hasil.

Komitmen yang diberikan oleh para pelajar dalam memastikan tanaman mereka berada dalam kondisi yang baik adalah sangat membanggakan. Mereka telah bekerja bersama dalam kumpulan melalui pelbagai aktiviti ladang seperti memindahkan anak benih dari tapak semaian ke ladang, mengawal serangan perosak dan menjaga tanaman mereka ketika banjir. Walaupun kelas pembelajaran rasmi bagi subjek ini hanyalah pada sesi pagi setiap Rabu, pelajar ini telah menunjukkan komitmen yang tinggi apabila dilihat sering turun ke ladang memantau ladang mereka setiap hari. Adalah diharapkan para pelajar ini bakal menjadi agropreneur muda yang berjaya selaras dengan cita-cita fakulti ke arah melahirkan usahawan dalam bidang pertanian yang berjaya.




Koleksi Tumbuhan di Herbarium FBIM

Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) mempunyai fasiliti simpanan perpustakaan bagi spesimen tumbuhan yang dikenali sebagai Herbarium UniSZA. Herbarium ini telah menempatkan lebih daripada 1200 spesimen kering tumbuhan yang terdiri daripada lebih 400 spesies termasuk tumbuhan, kulat dan alga. Kesemua spesimen ini telah disumbangkan oleh para pelajar, pensyarah mahupun penyelidik luar daripada aktiviti persampelan semasa pembelajaran dan penyelidikan.

Perpustakaan spesimen kering tumbuhan ini adalah sangat penting kerana ia boleh dijadikan sebagai sumber rujukan bagi para pelajar, pensyarah dan penyelidik dalam proses mengenalpasti spesies, pengelasan kumpulan dan lain-lain lagi terutama dalam bidang biodiversiti dan botani. Kini, pihak Herbarium UniSZA juga telah menyediakan khidmat untuk pengecaman spesimen tumbuhan, penyediaan sampel tumbuhan dan penyimpanan spesimen tumbuhan di sini. Setiap spesimen tumbuhan yang disimpan di Herbarium UniSZA akan diberi nombor baucar spesimen bagi tujuan penerbitan jurnal.

Sejajar dengan perkembangan revolusi industri 4.0, pihak pengurusan Herbarium UniSZA telah menerbitkan aplikasi NatuRes yang boleh dimuat turun secara percuma melalui Google Play Store (Android) dan Appstore (iOS). Melalui aplikasi ini, kesemua data spesimen tumbuhan yang telah didigitalkan boleh diakses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Selain itu, aplikasi ini juga mempunyai ciri pendaftaran spesimen bagi memudahkan tujuan pengeca. Menariknya, Herbarium UniSZA merupakan yang pertama di Malaysia yang membolehkan kesemua data spesimen diakses secara digital melalui aplikasi NatuRes.

Bagi yang berminat dalam mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Herbarium UniSZA, boleh menghubungi Dr. Mohd Fahmi Abu Bakar (mohdfahmi@unisza.edu.my) dan Dr. Nornasuha Yusoff (nornasuhayusoff@unisza.edu.my).



Latihan 'Hands On' Meningkatkan Kefahaman Pelajar

Ijazah Sarjana Muda Produksi dan Kesihatan Haiwan (ISMPKH) merupakan program yang ditawarkan di Fakulti Biosumber dan Industri Makanan. Program ini diwujudkan bagi melahirkan generasi yang mempunyai kepakaran di dalam bidang kesihatan dan pembiakbakaan haiwan ternakan. Program ISMPKH diperlengkapkan dengan pelbagai subjek sains haiwan yang bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan pelbagai teknik dan kaedah untuk menjaga haiwan ternakan. Pelajar tahun 1 akan didedahkan cara mengambil darah, menyuntik vaksin, vitamin pada kambing melalui kursus *Animal Practice*. Manakala pelajar tahun 2 pula didedahkan kepada anatomi haiwan di dalam kursus *Animal Anatomy* dan pelajar tahun 3 akan mula didedahkan cara penjagaan ruminan besar seperti cara mengikat lembu, membuat tindik atau *ear-tag* untuk anak lembu, mengenalpasti anatomi dan fisiologi sistem pembiakan betina lembu. Selain itu pelajar juga turut diajar kaedah untuk mengenalpasti kebuntingan lembu iaitu secara *rectal palpation* di mana pelajar perlu memasukkan tangan ke dalam rektum lembu untuk mencari sistem pembiakan dan mengenal pasti struktur pembiakan sama ada lembu tersebut bunting ataupun tidak. Pelajar akan didedahkan pelbagai teknik pengendalian haiwan ternakan tenusu di dalam kursus *Ruminant Production II (Dairy)*. Salah satu teknik asas adalah cara memerah susu kambing Saanen dan juga teknik *pasteurize* susu kambing. Kesemua latihan amali ini dijalankan di Ladang Pasir Akar UniSZA. Fasiliti yang lengkap beserta tunjuk ajar daripada staf FBIM yang berpengalaman diharapkan dapat memberikan kepuasan sebenar kepada pelajar dalam proses menuntut ilmu di FBIM UniSZA.



Program Sentuhan Kasih FBIM Bersama Pertubuhan Ikram Malaysia Negeri Terengganu

Program Sentuhan Kasih merupakan anjuran Bersama Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) dengan Pertubuhan IKRAM Malaysia Negeri Terengganu. Program ini diadakan adalah bertujuan untuk membantu meringankan beban keluarga yang terkesan daripada wabak Covid-19 yang melanda negara.

Seramai 20 orang pensyarah FBIM telah terlibat bagi menjayakan program ini pada 8 Disember 2021. Turut hadir bersama pada hari tersebut adalah Timbalan Yang Dipertua IKRAM Negeri Terengganu, En. Hazrul bin Hashim, Pengerusi JK Tarbiah dan Modal Insan IKRAM Kawasan Besut, Ustaz Nik Ismail bin Jusoh dan Pengerusi JK Kebajikan IKRAM Kawasan Besut, En. Zailani bin Mustafa.



Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi ramah mesra bersama wakil IKRAM, Terengganu. Dekan FBIM, Prof. Madya. Ts. Dr. Khamsah Suryati Mohd turut memperkenalkan FBIM kepada wakil IKRAM, Terengganu. Pihak IKRAM juga turut menerangkan mengenai aktiviti yang dijalankan di Terengganu serta menyerahkan senarai nama penerima sumbangan yang tinggal di Daerah Besut. Selain itu perbincangan mengenai peluang kerjasama bersama FBIM dan IKRAM pada masa akan datang turut diadakan. Penyerahan sumbangan ikhlas daripada warga UniSZA Kampus Besut kepada golongan yang memerlukan juga telah disampaikan oleh wakil IKRAM.

MERDEKA HACKATON DAN ORACLE OPEN DAY

Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) telah menganjurkan Pertandingan Merdeka Hackaton dengan kerjasama pihak industri iaitu Oracle Corporation dan PaKAT bagi tujuan memberi pengalaman kepada pelajar FIK berkenaan 'Real Application Practice' berdasarkan tema 'Smart City Solution'.

Penganjuran pertandingan ini adalah suatu langkah proaktif bagi memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai suasana sebenar pembangunan perisian yang diperlukan. Program ini turut memberi peluang kepada peserta untuk menerima latihan berimpak tinggi yang diberikan oleh pakar bidang dari akademik dan pihak industri. Setiap pasukan akan dilatih oleh seorang mentor sama ada dari industri atau akademik untuk berkongsi pengalaman dan membantu kumpulan dalam menyiapkan tugas yang diberi.

Majlis Perasmian Merdeka Hackaton telah diadakan pada 18 Ogos 2021 secara dalam talian. Majlis turut berbesar hati dengan ucapan penuh bermakna oleh Managing Director Oracle Corporation, Yang Berbahagia Mr. Fitri Abdullah dan Senior Director Oracle Academy, Mr. Damian Haas. Kerjasama baik ini adalah rentetan dari UniSZA sebagai rakan berdaftar di Oracle Academy Cloud Program dimana akses tersebut disediakan secara percuma oleh Oracle kepada pelajar dan staf UniSZA. Ucapan Majlis Perasmian pula telah disempurnakan oleh Dekan Fakulti Informatik dan Komputeran, UniSZA Kampus Besut, Prof Madya. Dr. Ahmad Nazari bin Mohd Rose. Sebanyak 8 Kumpulan telah mendaftar dan mengikuti siri latihan yang disediakan.




Tidak ketinggalan, Oracle bersama rakan industri mereka turut melakukan perkongsian ilmu dan kepakaran teknologi melalui Slot Oracle Open Day. Slot tersebut disertai oleh nama-nama besar industri antaranya MCMC & MyDigital.

FIK COFFEE TALK

Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) dengan inisiatif *Research Group* yang diketuai oleh Timbalan Dekan Penyelidikan & Pembangunan, Prof. Madya Dr. Engku Fadzli Hasan bin Syed Abdullah, telah mewujudkan Slot *FIK Coffee Talk* yang berlangsung pada setiap hari Khamis pada jam 9 pagi. Program ini merupakan slot pertemuan dan perbincangan santai staf akademik FIK mengenai topik berkaitan penyelidikan.

Sebanyak 11 siri telah diadakan dengan pelbagai topik menarik antaranya ialah *Research, Development and Commercialization, Challenges in Research Commercialization, Maqasid Syariat - Taxonomy Bloom: Pencarian Titik Kerjasama, Scholarship of Teaching and Learning (SOTL), Post Doctoral Study Experience (University of Oxford), Leadership - Research and Academic - A Remarkable Journey, Computer Security - Phishing & Malvertising, Explainable Artificial Intelligence, Manuscript Digitalization Project* dan *Research Cluster : How to win*.

Bagi yang ingin mengikuti rakaman siri-siri yang lepas, boleh layari *YouTube Channel "Coffee Talk FIK"*.



PROGRAM KESEDIAAN KERJAYA FAKULTI INFORMATIK DAN KOMPUTERAN

21 Ogos 2021 – Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK) telah menganjurkan Program Kesediaan Kerjaya secara dalam talian kepada pelajar tahun akhir sebagai salah satu langkah meningkatkan kebolehpasaran pelajar. Matlamat utama program ini ialah untuk memberi panduan dan meningkatkan kemahiran diri para pelajar yang bakal bergraduasi mengenai cara-cara menghadapi persediaan temuduga sebelum berjaya diserap ke mana – mana syarikat.

Program ini disertai oleh Penceramah Industri iaitu Encik Tolahah bin Muda selaku Perunding Kreatif di Tolahah Creative Solution yang mengemudi Slot Strategi Penulisan *Resume* yang Efektif. Dalam era pandemik ini, para pelajar perlu mencipta kelainan dan menonjolkan kreativiti diri sekiranya mahu menarik perhatian mana-mana syarikat untuk diambil bekerja. Persediaan mental dan kemahiran komunikasi diri juga perlu disiap siagakan dari masa sekarang.

Para pelajar turut diberi pendedahan mengenai persiapan dan panduan ketika mahu menghadiri temuduga. Slot ini dikendalikan oleh Kaunselor Kerjaya PakaT iaitu Puan Farah Nurhusna binti Mohd Zaidi. Program yang bermula dari jam 9 pagi dan berakhir jam 4.30 petang itu telah dihadiri kira-kira 70 orang pelajar tahun akhir. Mereka telah diberi pendedahan mengenai etika pemakaian, penyediaan dokumen, tahap keyakinan diri dan contoh soalan yang akan ditanya oleh bakal majikan. Ini dapat meningkatkan lagi keyakinan dan mengenali potensi diri dalam membuat pemilihan kerjaya yang terbaik.




PROGRAM START UP SUCCESS STORY

15 September 2021 – Penubuhan UniSZA Digital Hub (UDH) bertujuan untuk merencanakan perkembangan aktiviti keusahawanan di kalangan pelajar serta meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar dalam persekitaran industri bagi tujuan kebolehpasaran pelajar. Sejak ditubuhkan pada tahun 2018, UDH telah berjaya membentuk 17 buah Syarikat Start Up yang terdiri dalam kalangan alumni dan pelajar Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK).

Syarikat Start Up UDH telah berjaya membangunkan beberapa buah sistem yang digunakan untuk pengoperasian di UniSZA seperti Sistem E-Bida, Chase dan Epay@UniSZA. Selari dengan perkembangan ini, UniSZA Digital Hub telah menganjurkan Program *Start Up Success Story* bagi

mengalakkan pelajar-pelajar menceburi bidang keusahawanan teknologi maklumat.

Co-Founder di Mitez Solution iaitu Encik Ahmad Aiman Shallahuddin merupakan alumni FIK. Antara perkongsian penting yang telah disampaikan oleh beliau adalah kepakaran dan ilmu yang diperlukan untuk menyelesaikan projek, ciri-ciri seorang usahawan IT, cara-cara pendaftaran SSM dan pembukaan akaun semasa di bank.



PharmEx (Staff) Award Ceremony 2021

29 Disember 2021 - Fakulti Farmasi (FF) UniSZA telah menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf Fakulti Farmasi 2021 [*PharmEx (Staff) Award Ceremony 2021*] yang merupakan acara tahunan fakulti bagi mengiktiraf serta menghargai sumbangan dan kecemerlangan staf dalam bidang/kategori masing-masing. Anugerah utama yang disampaikan adalah Anugerah Pengajaran, Anugerah Penyelidikan & Penerbitan, dan Anugerah Staf Contoh (Pentadbiran).

Berbeza dengan tahun sebelumnya, pada tahun ini, pihak Pengurusan Fakulti Farmasi telah memperkenalkan beberapa anugerah baharu (anugerah khas) yang diilhamkan sendiri oleh Dekan Fakulti Farmasi, Prof. Dr. Lua Pei Lin. Anugerah ini diberikan untuk menghargai sumbangan staf dalam pelbagai aspek termasuklah idea, pengorbanan masa serta tenaga yang melangkaui tugas hakiki demi kecemerlangan fakulti.

Sebanyak 9 anugerah khas telah diumumkan dan disampaikan iaitu Anugerah SULUH (Sumbangan Langkau Hakiki), Sijil Bakti Komuniti dan Anugerah Bakat Harapan 2021. Melalui majlis ini juga, Prof. Dr. Lua Pei Lin mencetuskan harapan baharu 2022 dengan slogan U.B.A.H yang diharapkan mampu digarap serta dihadamkan oleh semua staf FF.

U.B.A.H yang dimaksudkan adalah *sense of*; U = *Urgency*, B = *Belonging*, A = *Accountability*, H = *Humour*.



Program Khidmat Masyarakat “Home Medication Review (HMR)”

BESUT, 28 September 2021 - Fakulti Farmasi UniSZA telah menganjurkan Program Khidmat Masyarakat “Home Medication Review (HMR)” yang bertujuan untuk menyebarkan maklumat kepada pesakit mengenai pengambilan, penyimpanan serta pelupusan ubat-ubatan.

Berbeza dengan penganjurannya sebelum ini, HMR pada kali ini dilaksanakan secara *virtual* bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Setiap kumpulan petugas terdiri daripada staf Fakulti Farmasi yang merupakan Ahli Farmasi Berdaftar dan dibantu oleh ahli fakulti yang lain serta para pelajar Tahun 2 Sarjana Muda Farmasi (Kepujian). Sasaran peserta pada kali ini adalah dalam kalangan warga pendidik/ahli keluarga Sekolah Menengah Kebangsaan Renek, Jerteh Terengganu yang turut merupakan sekolah angkat Fakulti Farmasi.

Walaupun HMR pada kali ini dilaksanakan secara *virtual* dengan kekangan talian internet yang tidak stabil, namun ianya mendapat maklum balas yang sangat positif daripada para peserta di mana mereka lebih terbuka untuk berkongsi masalah/penyakit yang dihadapi selain mempelajari ilmu baharu mengenai ubat-ubatan serta cara penggunaan dengan betul dan selamat.

Pihak Fakulti Farmasi UniSZA mengharapkan HMR ini mampu menjadi salah satu program menyalurkan maklumat dengan lebih berkesan kerana keunikan pendekatannya yang bersifat mesra masyarakat.



Ceramah Farmasi Bersama Komuniti Sekolah

17 Ogos 2021- Fakulti Farmasi UniSZA mengambil inisiatif mengadakan program Ceramah Farmasi “Penagihan Dadah: Kaedah Kejiwaan Inabah dalam Pencegahan dan Rawatan” kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Manir, Kuala Terengganu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Renek, Jerteh, Terengganu di mana kedua-dua buah sekolah ini merupakan Sekolah Angkat Fakulti Farmasi.

Ceramah yang disampaikan oleh pensyarah Pusat Pengajian Teras, UniSZA, Prof. Madya Dr. Abdul Manam bin Mohamad ini dilaksanakan secara dalam talian menerusi aplikasi *Cisco Webex*. Perkongsian ilmu selama satu jam ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada para guru dan pelajar yang begitu teruja untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan kaedah kejiwaan Inabah ini.

Banyak perkongsian dan ilmu baharu yang telah disampaikan penceramah, di antaranya pendedahan berkenaan kaedah rawatan kejiwaan Inabah yang kurang disebut dan disiarkan di platform berita. Seperti yang diketahui, kaedah rawatan yang sering didengari adalah rawatan rehabilitasi (Pusat Serenti/AADK Cure & Care Centre), rawatan kaunseling dan sebagainya. Akan tetapi, kaedah rawatan Inabah ini makin berkembang di Malaysia dan sudah terbukti keberkesannya kepada penagih dadah yang telah berjaya mendapatkan dan menjalani rawatan di pusat-pusat Inabah. Kaedah ini menjadi satu alternatif dalam membantu memperbaiki akhlak dan “kenakalan” pelajar.





GALERI 2021





GALERI 2021





2021

 Pejabat Pengarah Kampus Besut

 <https://www.unisza.edu.my/ppkbesut>

 Smart Experience - UniSZA Besut Campus